

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam memajukan dan mempromosikan industri pelancongan di Pengerang memandangkan kawasan ini mempunyai potensi untuk menjadi destinasi pilihan utama pelancongan dengan pelbagai daya tarikan yang sedia ada seperti kawasan peranginan Desaru Coast.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia khasnya serta negeri Johor khususnya sebagai negara destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia.

Negeri Johor serta daerah Pengerang khususnya menawarkan banyak produk-produk pelancongan menarik kepada pelancong-pelancong asing dan pelancong antaranya termasuklah destinasi golf, destinasi makanan terutamanya makanan laut, destinasi membeli belah serta destinasi "*theme park*" yang menjadi pilihan keluarga pada setiap musim percutian. Pada masa ini, Johor serta daerah Pengerang merupakan pilihan bagi pelancong-pelancong jarak dekat dan sederhana seperti Singapura, Indonesia, China, Korea dan Taiwan .

Sejak tahun 2017, TM dengan kerjasama ASIANA Airlines dari Korea Selatan telah menganjurkan beberapa siri penerbangan sewa

khas dari Lapangan Terbang Incheon ke Senai dimana pada tahun tersebut seramai 3,776 pelancong dari Korea telah datang ke Johor. Pada tahun 2018 pula, Tourism Malaysia dengan kerjasama JIN AIR melalui penerbangan sewa khas telah berjaya merekodkan seramai 6,437 pelancongan Korea melawat Johor. Oleh sebab permintaan yang memberansangkan, mulai tahun 2019, JIN AIR telah mengadakan penerbangan tetap atau “*schedule flight*” dari Incheon ke Senai sebanyak 4 kali seminggu dengan menawarkan 756 tempat duduk seminggu atau 39,312 untuk tempoh setahun.

Bagi meningkatkan publisiti mengenai Desaru Coast Resort, TM dan kerjasama Desaru Coast Resort telah menganjurkan beberapa lawatan suaikenal kepada media dan agen-agen pelancongan. Pada 7-10 Disember 2018, seramai 13 media/bloggers dari pasaran ASEAN telah melawat Desaru Coast Resort bersempena penganjuran Desaru Coast Gourmet. Di samping itu, pada 15-20 April 2019 seramai 22 media antarabangsa telah melawat Johor Bahru dan Desaru dibawah program *Mega Familiarisation Tour* anjuran TM.

TM turut mempromosikan Desaru Coast Resort didalam penyertaan di dalam pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti South Indian Travel & Tourism Exhibition (SATTE) New Delhi, India International Travel & Tourism (ITTT) Mumbai, Arab Travel Mart Dubai, Asean Travel Forum (ATF), International Tourism Borse (ITB) Berlin dan World Travel Mart (WTM) London.

Bagi mengekalkan kedudukan Johor dan daerah Pengerang khususnya sebagai sebuah destinasi popular, TM akan terus mempromosikan produk-produk tersebut dalam setiap promosi pelancongan yang dianjurkan. Ini termasuklah penyertaan dalam misi galakan, pameran dan seminar pelancongan antarabangsa, lawatan suaikenal melalui program MegaFam dan destinasi MICE. TM akan terus aktif memasarkan Malaysia dan Desaru khususnya sempena “Visit Malaysia 2020” dengan bekerjasama lebih rapat dengan agen-agen pelancongan di luar negara untuk memasukkan Desaru Coast Resort di dalam pakej-pakej lawatan melalui kerjasama “*smart partnership*”. Sekian, terima kasih.